

22 JAN 1996

#### CENPEACE KUTUK ORANG HANYUT KERANA TIMBULKAN KEGANASAN

KUALA LUMPUR, 22 Jan (Bernama) -- Pusat Inisiatif Keamanan (Cenpeace) hari ini mengutuk langkah penyelesaian secara keganasan yang diambil oleh sesetengah pendatang haram Vietnam di Kem Transit Sungai Besi Khamis lepas.

Pengarah Eksekutif Cenpeace Fan Yew Teng menyifatkan rusuhan itu sebagai perlakuan yang tidak berasas dan bersopan. Semasa kejadian itu, dua buah blok kediaman terbakar manakala 17 pendatang haram dan tujuh anggota polis cedera.

"Kita tidak boleh bersimpati dengan pendatang haram yang enggan memberi peluang kepada diri mereka sendiri untuk hidup di bawah keadaan ekonomi baru di Vietnam," katanya dalam satu kenyataan.

Beliau berkata ia bukanlah satu kesalahan Malaysia jika sekarang ini negara-negara ketiga membuat keputusan tidak mahu menerima pendatang haram selebihnya yang masih berada di kem itu.

Malaysia telah memainkan peranannya membantu pendatang haram Vietnam sejak lebih 20 tahun yang mana mereka diberi tempat berlindung dan bantuan sementara berusaha mendapat kebenaran memasuki negara-negara ketiga.

"Kami menyokong penuh pendirian Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa kerajaan akan terus bertegas mengenai penghantaran pulang pendatang haram Vietnam dari kem itu," katanya. -- Bernama.